

NO. SOALAN : 116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOO HSIAO LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gooi Hsiao Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan-alasan kenapa Kedah mempunyai unit-unit PR1MA siap dibina tertinggi yang tidak dapat dijual di Malaysia, dan menyatakan bagaimana Kementerian akan mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan pencapaian jualan kediaman PR1MA di Negeri Kedah, sehingga kini sebanyak 1,771 unit kediaman PR1MA telah dijual. Jumlah Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value – GDV*) bagi projek yang telah dijual tersebut adalah bernilai RM378 juta.

Alhamdulillah secara keseluruhannya sambutan bagi jualan kediaman PR1MA di seluruh negara adalah menggalakkan. Insyallah jumlah jualan kediaman ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa khususnya melalui usaha PR1MA yang menganjurkan beberapa siri program Hari Terbuka di seluruh negara. Secara keseluruhannya, purata jualan kediaman PR1MA mencapai 1,000 unit sebulan bagi pelbagai projek seluruh negara. Jumlah ini merupakan satu jumlah luar biasa jika dibandingkan dengan kadar jualan rumah pasaran oleh pemaju swasta.

Sekian, terima kasih.